



Jumaat 9 Januari 2004

BERITA HARIAN

(62)

# Kolam UPM ditutup 9 bulan

**S**ERDANG: Kolam ikan air tawar di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, ditutup sembilan bulan mulai 1 Januari lalu bagi membolehkan kerja memperbesar dan mendalamkan empat kolam utama di situ untuk dijadikan dua buah kolam induk.

Pengarah Taman Pertanian Universiti (TPU), Prof Madya Dr Jamal Talib, berkata penyerahan tapak kepada kontraktor yang dilantik untuk projek itu sudah dilakukan dan hanya menunggu masa untuk kerja tanah saja.

Beliau berkata, mengi-



DR Jamal

kut jadual asal, kerja memperbesar dan mendalamkan kolam itu dijangka mengambil masa

sembilan bulan dan sepanjang tempoh itu tiada sebarang aktiviti memancing, khususnya pertandingan akan diadakan di situ.

"Keputusan memperbesar dan mendalamkan kolam adalah selaras dengan pembangunan di kawasan berkenaan dan pada masa sama bertujuan mengatasi masalah banjir yang kerap melanda apabila hujan lebat.

"Selain itu, langkah berkenaan dipercayai dapat mengelakkan pencemaran air ke Tasik Putrajaya," katanya selepas menyampaikan ha-

diah kepada pemenang Pertandingan Memancing Tutup Tirai 2003 anjuran Joran Warisan, baru-baru ini.

Beliau berkata, keputusan menutup kolam itu dijangka memberi kesan kepada UPM kerana ia kerap menjadi tumpuan kaki pancing setiap kali ada pertandingan.

Ditanya sama ada UPM akan terus membuka semua kolam itu untuk dijadikan gelanggang pertandingan memancing selepas projek itu siap, beliau berkata perkara itu akan diumumkan kemudian.